

# Dari Sebulan Ke Sebulan

Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan telah mengeluarkan perintah kepada imam-imam dan bilal-bilal di seluruh Kelantan supaya jangan mengadakan sembahyang di masjid-masjid yang dibina daripada wang loteri masyarakat. Perintah itu telah dilaksanakan dan kerana itu orang-orang tidak pergi ke Jumaat. Perintah yang tegas ini bagi orang-orang yang yakin akan haramnya duit loteri itu adalah dipuji. Sembahyang Jumaat boleh diadakan, jika tidak di dalam masjid, di padang, atau di tanah lapang sedang tugas Jumaat mesti dijalankan kerana itu janganlah orang-orang yang yakin itu ragu-ragu dalam menjalankan hukum Allah.

\* \* \*

Perkara wang loteri itu, nampaknya telah dibabitkan pula di dalam pertentangan politik di Persekutuan Tanah Melayu. Tengku Abdul Rahman memandang bahawa tegahan sembahyang pada masjid-masjid dan surau-surau di Kelantan itu adalah “iri hati” yang timbul kepada kerajaan Perikatan dan memandang serta menasihatkan langkah yang diambil oleh kerajaan PAS sebagai satu langkah yang “bodoh”. Alasannya bahawa wang bantuan daripada lembaga loteri itu sangat besar jasanya kepada orang-orang kampung dan langkahan yang dipandang beliau daripada kerajaan PAS Kelantan itu adalah ditujukan untuk mengecewakan maksud dan tujuan lembaga loteri, yang diminta oleh Tengku supaya mengadakan bantuan, kerana membina masjid dan surau padahal pada masa dahulu tidak ada.

Perkataan Tengku ini daripada apa yang zahir, bolehlah dipandang bahawa perkara masjid dan loteri itu hendak dijadikan persoalan siasah – tidak lagi hendak dijadikan persoalan hukum agama. Beliau pernah dahulu

bersedia menanggung dosanya jika masjid itu haram dibina dengan wang loteri. Berani sungguh beliau menghadapi hukuman-hukuman Tuhan.

\* \* \*

Bagi orang-orang yang di luar politik negara persoalan loteri dengan masjid itu adalah persoalan hukum agama .. persoalan kesucian agama yang mesti diletakkan di luar daripada persoalan siasah negara. Pertentangan ulama-ulama yang tidak memasuki siasah telah lama tersiar sedang fatwa bersama di dalam persoalan ini tidak pun diberi. Demikian juga masa Shaykh al-Azhar di sini soal ini senyap sehingga orang-orang menyangka bahawa Shaykh al-Azhar telah mengharamkan masjid didirikan daripada wang loteri. Apakah ulama yang bertentangan faham itu orang-orang politik dan hukuman-hukumannya kerana maslahat politik? Inilah pertanyaan-pertanyaan yang timbul.

\* \* \*

Terbit daripada keterangan Tengku Abdul Rahman yang memandang bahawa banyak jasa yang dibuat daripada wang yang diberi daripada lembaga loteri yang wangnya melulu daripada wang hasil loteri, loteri yang terus-menerus dijalankan itu, maka orang ramai hanya mengangkat bahu kerana memandang bahawa Tengku sebenarnya tidak arif di dalam persoalan ini. Orang ramai hanya terasa apakah umat Islam akan disuruh menerima membuat sesuatu yang berhajat daripada kesucian mesti menggunakan wang yang ada syubhabah di dalamnya. Apakah rumah Allah, tempat orang-orang beribadah menghadap Tuhan mesti dibina daripada wang syubhabah! Apakah untuk kesucian ini ada percubaan hendak mencari helah atas kebersihan di dalam membina rumah Allah? Fikirlah wahai umat Muslimin! Tenangkan perasaan dan

janganlah dijadikan persoalan membina rumah Allah dijadikan satu bahagian daripada pertentangan siasah.

\* \* \*

Berdirinya masjid dengan menggunakan wang hasil loteri yang dikawal oleh lembaga loteri telah menimbulkan perselisihan-perselisihan di kampung-kampung. Sebahagian orang terpengaruh kepada fatwa sebahagian ulama yang membuat qiyas-qiyas kepada hukum-hukum Allah dengan alasan putus milik dan seumpamanya; dan sebahagian pula tetap berpegang bahawa loteri itu terus berjalan, loteri itu, mengadakannya, membeli dan menjualnya serta mengambil hasilnya adalah haram dan kerana itu haram untuk digunakan bagi membina masjid, surau, madrasah dan seumpamanya. Dengan kerana perselisihan itu sebahagian mereka mau bersembahyang di dalam masjid-masjid itu dan sebahagian lagi enggan sembahyang di dalamnya kerana mereka memandang bahawa wang binaannya daripada wang asi.

Jadi dengan adanya masjid itu timbulah perselisihan-perselisihan di antara umat Islam. Perselisihan di antara mereka ertinya fitnah. Kalau ada satu barang menimbulkan fitnah seperti masjid itu maka dihukumkan oleh ulama-ulama, dengan tegas bahawa masjid itu adalah masjid *dirār*. Kalau sudah masjid itu *dirār* dan jangan menimbulkan fitnah di dalamnya maka hendaklah masjid itu dirobohkan. Inilah hukuman yang dijalankan oleh Nabi di atas masjid-masjid *dirār*.

Apakah yang perlu pada masjid itu? Inilah soal-soal yang patut diperhatikan. Kebendaannya atau isinya? Banyak masjid-masjid kita yang cantik-cantik di Tanah Melayu, tetapi masjid-masjid itu kosong sebab penghuni-penghuninya tidak ada, dada mereka kurang tebal untuk memakmurkan masjid sebab itu masjid yang perlu ialah isinya, bukan bentuknya seperti yang dicontohkan oleh Nabī Muhammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* daripada masjid yang pertama sehingga kepada masjid-masjid lain, perhatilah dan renunglah.

\* \* \*

Dengan pecahnya PETIR kepada dua golongan; iaitu dengan menarik dirinya golongan-golongan yang memandang Perdana Menteri Lee Kuan Yew orang kanan, maka timbulah hal yang menerangkan wujud pertentangan di antara orang-orang yang tadinya satu sekarang telah menjadi dua. Di dalam beberapa keterangannya kepada umum, Perdana Menteri Lee Kuan Yew telah menggambarkan dengan terang kedudukan Tuan Lim Chin Siong sebagai orang-orang Sosialis Kiri ataupun Komunis yang sudah berjalan berterang-terang di negeri ini. Perdana Menteri Lee telah menggambarkan dengan jelas keadaan itu – tidak bersembunyi-sembunyi lagi; dan harus ia telah melihat keadaan yang berlaku sesudah satu badan berpecah jadi dua tentang bahaya-bahaya pemogokan yang tentunya merosakkan keadaan masyarakat dan ekonomi rakyat yang sekarang di dalam kepayahan dan menderita (terutamanya pedagang-pedagang kecil). Kerana itu orang-orang ada berkata, mengapa hanya berkata-kata dan berucap-ucap sahaja, tidak bertindak? Orang berhajat supaya Perdana Menteri berperdirian tegas dan bertindak!

\* \* \*

Pemogokan Utusan Melayu hingga sekarang berjalan terus, iaitu lebih dua bulan. Saudara Said Zahari telah diperintahkan tidak dibenarkan masuk ke Persekutuan Tanah Melayu untuk selama-lamanya. Utusan Melayu sekarang keluar seperti biasa di pejabatnya. Sekalipun pemogok-pemogok tetap berpiket di hadapan bangunannya di Kuala Lumpur. Kacau, tidak boleh dibuat kerana kalau dibuat sahaja tentunya pasukan polis akan menentang sebarang kekacauan. Berita-berita tersiar pula bahawa pejabatnya di Cecil Street hendak ditutup sama sekali. Tengku telah diminta menyelesaikan persoalan itu, tetapi Tengku memberi syarat hendaklah piket mereka dibubarkan baharu beliau mau berjumpa. Walhasil macam-macam hal yang patut difikirkan – macam-macam fatwa yang mesti dicari. Sebaik-baiknya pakailah pepatah Melayu: “Sesat di jalan balik ke pangkal”, rujuk kepada kebenaran ada lebih baik – *wallāhu a‘lam*.